

Tarikh Notis: 09 Jun 2020

NOTIS PENTING MENGENAI PINDAAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT UNTUK KEMPEN “FOREIGN CURRENCY CURRENT ACCOUNT-I SAUDI ARABIA RIYAL (SAR) FEE REBATE”

Pelanggan Yang Dihormati,

Adalah Dimaklumkan bahawa Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Islamic Bank Berhad (“CIMB”) yang mengawal **Akaun Semasa Mata Wang Asing-i Saudi Arabia Riyal (SAR) CIMB** (“Terma-Terma dan Syarat-Syarat”) telah dipinda. Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang dipinda akan berkuatkuasa dan mengikat selepas dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis iaitu 30 Jun 2020.

Pindaan kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat Kempen adalah seperti berikut:

- **Klausa 2** telah dipinda untuk mengemaskini tempoh kempen dari 16 Mac hingga 31 Mei 2020.
- **Klausa 4** telah dipinda untuk memasukkan CASA/-i sebagai akaun layak.
- **Klausa 6** telah dipinda untuk mengemaskini mekanik kempen
- **Klausa 7** telah dipinda untuk mengemaskini Tempoh Pendebitan Fi dan Tempoh Rebat Fi:

Tempoh Pendebitan Fi ¹	Tempoh Rebat Fi ²
16 Mac 2020 – 31 Mei 2020	1 Julai 2020 – 31 Julai 2020

¹ Tempoh yang mana Fi Didebitkan didebitkan dari FCCA-i

² Tempoh yang mana Rebat Fi dikreditkan ke dalam CASA/-i

- **Klausa 8** telah dipinda untuk digantikan dengan “Rebat Fi akan dikreditkan ke dalam CASA/-i yang memenuhi kriteria berikut:
 - Fi Didebitkan mesti didebitkan dari FCCA-i semasa Tempoh Pendebitan Fi. CASA/-i di mana Rebat Fi akan dikreditkan mestilah dalam Status “**Aktif**” dan dengan baki purata tertinggi pada Mei 2020 (“**Baki Purata**”). “**Baki Purata**” untuk tujuan Kempen ini merujuk kepada jumlah baki akhir hari harian CASA/-i berkenaan pada Mei 2020 dibahagi dengan jumlah hari pada bulan Mei 2020:-
$$\text{Baki Purata} = \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Hari Harian pada Mei 2020 (iaitu dari 1 Mei 2020 hingga 31 Mei 2020)}}{\text{Bilangan Hari pada Mei 2020 (iaitu 31 hari)}}$$
 - Jika Pelanggan Layak mempunyai lebih daripada satu CASA/-i, CASA/-i dengan nama tunggal dengan Baki Purata tertinggi akan dipilih untuk tujuan pengkreditan Rebat Fi; Jika tidak ada CASA/-i dengan nama tunggal, CASA/-i bersama (*hanya terhad kepada CASA/-i bersama dengan Pelanggan Layak sebagai pemegang akaun utama*) dengan Baki Purata tertinggi akan dipilih untuk tujuan pengkreditan Rebat Fi; dan
 - CASA/-i bersama di mana Pelanggan Layak bukan pemegang akaun utama tidak akan layak menerima Rebat Fi.”
- **Klausa 9** telah dikeluarkan dan digantikan dengan “Jika terdapat sebarang pertikaian berhubung dengan kelayakan Rebat Fi, Pelanggan Layak boleh meminta kelulusan dengan cara yang ditentukan oleh CIMB dalam dua (2) bulan dari 1 Ogos 2020 hingga 30 September 2020. Sebarang pertikaian berkaitan dengan kelayakan Rebat Fi tidak akan dilayan oleh CIMB selepas 30 September 2020.”
- **Klausa 10** telah dikeluarkan.



CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872(671380-H)]

Versi terpinda Terma-Terma dan Syarat-Syarat boleh didapati di laman web kami di:

<https://www.cimb.com>

Untuk penjelasan lebih lanjut, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan kami di **+603 6204 7788**, atau mengunjungi mana-mana cawangan CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank. Cawangan CIMB Islamic Bank terletak setempat dengan cawangan CIMB Bank seluruh negara.

The Management
CIMB Islamic Bank Berhad